



TAJUK KHUTBAH JUMAAT

Kita Jaga Keluarga Kita

Siri: 7/2021

30 Jamadilakhir 1442 H

Bersamaan

12 FEBRUARI 2021

JABATAN HAL EHWAL AGAMA TERENGGANU

PERINGATAN:

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwat Agama Terengganu adalah **DILARANG**. Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali RUKUN, AYAT AL-QURAN dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

KHUTBAH PERTAMA

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَتُوبُ إِلَيْهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ، وَمَنْ يُضِلِّ فَلَنْ يَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala yang diperintahkan oleh-Nya dan meninggalkan segala yang dilarang, agar kamu memperoleh kejayaan.

Khutbah pada hari ini bertajuk:

“Kita Jaga Keluarga Kita”.

Sidang Jemaah yang dimuliakan Allah,

Keluarga merupakan institusi masyarakat yang kecil tetapi mempunyai peranan yang sangat besar. Boleh dikatakan, setiap orang daripada kita mempunyai keluarga, tidak kiralah sama ada keluarga itu besar mahupun kecil. Keluarga yang sejahtera mampu melahirkan masyarakat dan negara yang makmur.

Justeru itu, Islam amat menitikberatkan tanggungjawab kekeluargaan sehingga Allah SWT berfirman dalam Surah al-Tahrim ayat 6:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ

عَلَيْهَا مَلَيِّكَةٌ غَلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ

وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾

Yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan.”

Dalam usaha melahirkan keluarga yang bertakwa dan diredhai Allah, maka para ibu bapa memainkan peranan yang sangat penting dalam mencorakkan

pembentukan keluarga dan menentukan hala tuju yang tepat atas landasan Islam. Peranan ibu bapalah yang menentukan dan mencorakkan cara hidup anak-anak sebagaimana yang disebutkan oleh Rasulullah SAW dalam hadis:

كُلُّ مَوْلُودٍ يُوَلَّدُ عَلَى الْفِطْرَةِ ،

فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ ، أَوْ يُنَصِّرَانِهِ ، أَوْ يُمَجِّسَانِهِ

Maksudnya:

“Setiap bayi yang dilahirkan dalam keadaan fitrah, maka kedua-dua ibu bapanyalah yang menjadikannya Yahudi, atau Nasrani atau Majusi.” (Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Bagi anak-anak pula, mentaati dan berbuat baik serta berbakti kepada ibu bapa merupakan suatu kewajipan yang mesti ditunaikan. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Israa’ ayat 23:

❖ وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا إِمَّا يَبُلُغَنَّ عِنْدَكَ
الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُمَّافٍ وَلَا نَهْرُهُمَا وَقُلْ لَهُمَا

قَوْلًا كَرِيمًا ﴿٢٣﴾

Maksudnya:

“Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "Ah!", dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun).”

Seterusnya, apabila masing-masing dalam keluarga menjalankan tanggungjawab dan peranan masing-masing serta menunaikan hak ahli keluarganya, maka, akan lahirlah sebuah keluarga yang bahagia dan sejahtera.

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Tanggungjawab memelihara diri dan keluarga meliputi urusan duniawi dan ukhrawi. Ibu bapa bertanggungjawab membangunkan aspek kerohanian seperti memastikan anak-anak melaksanakan perintah dan meninggalkan perkara yang dilarang dalam agama. Ibu bapa juga perlu memastikan keperluan duniawi seperti makan, minum, kesihatan, dan tempat tinggal ahli keluarganya berada dalam situasi yang baik. Antara kunci utama dalam melahirkan keluarga yang diberkati ialah dengan memelihara solat, membaca al-Quran di samping melaksanakan amalan-amalan lain yang diperintahkan

dan menjauhi larangan Allah SWT. Masing-masing perlu bertindak saling menasihati antara satu sama lain.

Menjadi tanggungjawab bagi setiap ahli keluarga juga untuk berusaha bagi memastikan sesebuah keluarga itu bahagia. Kerana itu, setiap ahli keluarga perlu bertindak untuk saling bantu membantu dan melengkapi antara satu sama lain.

Peluang keberadaan di rumah pula sepatutnya kita manfaatkan dengan sebaiknya untuk memupuk hubungan kekeluargaan dan kasih sayang yang tinggi bagi membantu keluarga terus kekal sejahtera semasa PKP atau selepas PKP.

Dalam mendepani musim yang mencabar ini, kita juga memerlukan kesedaran yang tinggi dalam diri setiap individu untuk memastikan kesihatan diri dan keluarga terjamin dari jangkitan wabak penyakit. Kerajaan telah menetapkan beberapa siri Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan garis panduan yang mesti dipatuhi oleh kita semua.

Akhirnya, dalam kesempatan kita duduk di rumah bersama keluarga, marilah kita sama-sama mendekatkan diri dan bermunajat kepada Allah SWT agar musibah yang kita lalui ini akan segera berlalu. Sesungguhnya hanya kepada Allah jualah tempat yang selayaknya kita mohon pertolongan.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَالْعَصْرِ ﴿١﴾ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ ﴿٢﴾

إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَّصُوا بِالحَقِّ وَتَوَّصُوا بِالصَّبْرِ ﴿٣﴾

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آئِلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ اهْتَدَىٰ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

إِخْوَانِي الْمُسْلِمِينَ حَفِظْكُمْ اللَّهُ،

Mari kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارَكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ اشْفِ مَرَضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطِّفْ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ السُّلْطَانَ مُحَمَّدٍ الْمُكْتَفِي بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةِ تَرْغَكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكَو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللهِ!

أذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.
قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمْكُمْ اللهُ.